

SOALAN NO.: 43

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

KAWASAN : GERIK

SOALAN:

YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN (GERIK) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah keadaan jalan raya di Malaysia menepati ciri-ciri keselesaan yang diperlukan untuk menampung kadar penggunaan semasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya daripada masa ke semasa sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna jalan-jalan utama di negara ini. Sehubungan itu perancangan untuk menaik taraf laluan atau membina jalan baru di negara ini dibuat dengan mengambil kira laporan Kerajaan seperti berikut:

- Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) Kerajaan;
- Pelan Induk Rancangan 5 Tahun Kerajaan (RMK);
- Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya untuk Semenanjung Malaysia (2008 –2020);
- Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya untuk Sabah, Sarawak dan Labuan (2010 – 2025);
- Kajian-Kajian Kemungkinan; dan
- Laporan Tahunan Bincian Trafik Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap projek pembinaan dan penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan di negara ini perlu mematuhi piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan Kerajaan, iaitu Arahan Teknik (Jalan), JKR. Di samping itu untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna pula, kementerian ini sentiasa mengaplikasikan teknologi dan inovasi yang terbaru dalam bidang kejuruteraan jalan. Namun begitu perancangan untuk membina atau menaik taraf jalan di negara ini akan dilaksanakan

berasaskan kepada kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.